

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI JOHOR)

TARIKH: 19 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 35

MPS ambil inisiatif pupuk generasi muda cintakan alam sekitar

SEGAMAT - Anugerah Sekolah Hijau (ASH) yang julung kali diadakan merupakan satu usaha Majlis Perbandaran Segamat (MPS) untuk melahirkan generasi yang mencintai alam sekitar.

Exco Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon berkata, kerajaan Johor yakin dengan usaha dilakukan MPS memberi kesan positif kepada pelajar dan boleh dicontohi pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

Menurutnya, menerusi ASH, pelajar diberi peluang bekerja sebagai satu pasukan dalam memelihara alam sekitar di peringkat sekolah.

"Sebanyak 18 sekolah telah menyertai ASH terdiri daripada enam sekolah menengah dan 12 sekolah kebangsaan.

"Terdapat empat kriteria yang dilihat iaitu program 3R, inovasi dan kreativiti, kebersihan dan penghijauan dan penglibatan komuniti," katanya sewaktu merasmikan Anugerah Sekolah Hijau 2019 Majlis Perbandaran Segamat (MPS) di sini kelmarin.



Mohd Hisam (dua dari kiri) menyerahkan anak pokok kepada Chen Choon sewaktu perasmian Anugerah Sekolah Hijau 2019 Majlis Perbandaran Segamat kelmarin.

Hadir sama, Setiausaha MPS, Mohd Hisam Said.

ASH mendapat kerjasama daripada Jabatan Alam Sekitar Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Segamat, pengetua dan guru besar.

Chen Choon yang juga Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jementah berkata, ASH berasaskan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan berterusan melalui pengurangan sisa-sisa, pemeliha-

raan sumber dan lain-lain lagi.

"Ia juga bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pihak sekolah dalam mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber seterusnya memelihara alam sekitar," katanya.

SENARAI PEMENANG ASH 2019:

- Penerima anugerah khas sekolah rendah bagi program 3R - Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Anam
- Inovasi dan kreativiti - SK Buloh Kasap
- Penghijauan dan Kebersihan - SK Bandar Putra
- Penglibatan komuniti - SK Kemedak
- Penerima anugerah khas sekolah menengah bagi program 3R - Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gemerah
- Inovasi dan kreativiti - SMK Palong Timur
- Penghijauan dan inovasi - SMK Buloh Kasap
- Penglibatan komuniti - SMK Seri Jementah